

31 AUG 1997

Merdeka-Sampah (bergambar)

SAMBUTAN MERDEKA DICEMARI SAMPAH

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Sambutan Hari Kebangsaan ke-40 yang tertumpu di Dataran Merdeka di sini, dicemari sikap buruk masyarakat yang membuang sampah merata-rata.

Ketika penonton dan peserta perarakan berpusu-pusu meninggalkan kawasan itu, pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula bertungkus-lumus membersihkan sampah-sarap yang mereka tinggalkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah melenting setelah melihat kekotoran dilakukan di tengah-tengah bandar.

Tinjauan rambang di kawasan perarakan itu menunjukkan bahawa di kalangan rakyat sendiri, ada yang tidak senang melihat sampah dibuang sewenang-wenangnya.

Kakitangan agensi swasta Ahmad Fairuz, 30, berkata tindakan membuang sampah merata-rata itu membayangkan rakyat negara ini belum merdeka lagi.

"Kalau mereka benar-benar merdeka dan menghayati erti kemerdekaan, mereka tidak akan melakukan perkara itu. Kita sepatutnya sayang dan cintakan negara yang bersih," katanya.

Setelah 40 tahun Malaysia merdeka, sepatutnya rakyat bijak menilai baik buruk sesuatu tindakan dan tidak perlu menunggu hingga ditegur atau dihukum.

Lee Seng Khuan, 50, menyifatkan orang ramai yang membuang sampah merata-rata tempat ini sebagai individu yang tidak bertamadun dan tidak tahu menilai erti merdeka.

"Sikap ini perlu ditinggalkan supaya memberi gambaran negara kita bersih, aman dan maju," katanya.

A.Kupurasamay, 15, pula berkata rakyat perlu menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata kerana itu adalah sumbangan mereka kepada kemajuan industri pelancongan tempatan.--BERNAMA

NM APG MAI